

# Islam, Iman Dan Ihsan Dalam Pekerjaan


Oleh:-


Mohd Nizho Bin Abd Rahman Pensyarah Bidang Kemanusiaan (Pengajian Islam) Kolej Sastera Dan Sains


Universiti Utara Malaysia

# Asas Kehidupan Insan Yang Beragama

حَدَّثِنِي أَبِي عُمَرُ بِنُ الْخَطَّابِ قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولَ اللّهِ صَلَّى اللّهُ عَلَيْنًا رَجُلُ شَدِيدً مِيَاضِ اللّهَ عَلَيْنًا رَجُلُ شَدِيدً بِيَاضِ النّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشّعَر لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثْرُ السَّقْرِ وَلَا يَعِرْفُهُ مِنَّا أَحَدٌ حَتَّى جَلَسَ إِلَى النّبِي صَلَّى اللّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَيْدُ مَكْبَيْهُ وَقَالَ يَا فَاسُنْدَ رَكُبَيْهُ إِلَى رَكْبَيْهُ وَوَضَعَ كُفَيْهُ عَلَى فَخَدَيْهِ وَقَالَ يَا فَاسُنَدَ رَكُبَيْهُ إِلَى اللّهُ صَلَّى اللّهُ صَلَّى اللّهُ عَلَيْهُ وَسَلَّمَ اللّهُ صَلَّى اللّهُ عَلَيْهُ وَسَلَّمَ اللّهُ صَلَّى اللّهُ عَلَيْهُ وَسَلَّمَ السَّلَاةُ وَأَنَّ مُحَمِّدًا رَسُولُ اللّهِ صَلَّى اللّهُ عَلَيْهُ وَسَلَّمَ اللّهُ إِلّا اللّهُ وَأَنَّ مُحَمِّدًا رَسُولُ اللّهِ صَلَّى اللّهُ عَلَيْهُ وَسَلَّمَ اللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ مَلَى اللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ مَنْ اللّهُ عَلَيْهُ وَسَلّمَ وَتُوبِي الزّكَاةُ وَاللّهُ مَنْ اللّهُ عَلَيْهُ وَسَلّمَ وَتُوبِي اللّهُ وَسَلّمَ وَتُوبِي اللّهِ وَسَلّمَ وَتُوبِي اللّهُ وَالْمَاهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَالْمَالَةُ وَالْبَوْمُ مَنَ اللّهُ وَاللّهُ عَلَيْهُ لَلْكُولُولُ اللّهُ اللّهُ عَلَيْهُ وَاللّهُ وَا لَا لَهُ اللّهُ مَا اللّهُ وَاللّهُ عَلَى اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ عَلَى اللّهُ اللّهُ اللّهُ مَا اللّهُ اللّهُ عَلَى اللّهُ اللّهُ عَلَى اللّهُ اللّه







#### Makna Islam

Islam dari segi bahasa bermakna patuh dan berserah diri kepada Allah. Menurut syarak, Islam adalah agama yang tertegak di atas lima rukun sebagaimana yang disebut di dalam hadis dan masuk dalam pengertian Islam pula ialah seluruh amalan zahir (yang nampak) dan meninggalkan segala yang diharamkan

الإسلام هو الخضوع والتضرع لله

#### Makna Iman

Iman dari segi bahasa bermaksud percaya, yakin dan membenarkan. Iman menurut syarak adalah:-menyakini dengan hati, mengucapkannya dengan lidah dan membuktikannya dengan amal perbuatan.

الإيمان هو اللفظ بالسان وتصديق بالقلب والعمل بالجوارح

## Makna Ihsan

Ihsan menurut bahasa, beerti berbuat kebaikan, bakti, ikhlas, amal dan kebajikan. Ihsan dapat difahami iaitu segala sesuatu yang menyenangkan dan terpuji.

Terdapat dua makşud ihsan:-

**Pertama**:-Memberikan kebaikan kepada orang lain. **Kedua**:-Memperbaiki setiap perbuatan yang dilakukan dengan sempurna dan baik.

Adapun menurut syarak seseorang hendaklah melaksanakan ibadah seolah-olah dia melihat Allah dan jika dia tidak merasai dapat melihat Allah SWT, dia hendaklah menyedari bahawa Allah melihatnya

#### Sambungan

Erti lihat atau **musyahadah** dan dekat atau **muraqabah** merupakan asas h**ub**ungan ant**ar**a **m**anusia dengan penciptanya.

Al-Ihsan dapat dijelmakan dalam dua keadaan, iaitu ihsan kepada sesama makhluk dan ihsan kepada Al-Khaliq (Allah).

Ihsan kepada sesama makhluk adalah membantu orang lain, tidak mengganggu atau menyakiti mereka dan bermuka manis tidak bermasam muka.

Adapun ihsan kepada Allah adalah selalu merasa diawasi oleh Allah (Muraqabatullah) sehingga khusyuk dalam beribadah seakan-akan berada dihadapan Allah dan melihatNya.

#### Perlunya Islam Dalam Pekerjaan

Islam tertegak di atas lima rukun.

1) Dua kalimah Syahadah:-

Kita bebas daripada penghambaan kepada sesama makhluk dan kita hanya menghambakan diri kepada Allah saja dan kita hanya mengikuti Rasulullah dalam hidupnya. Pekerjaan yang dilakukan tidak terikat dengan kefahaman rezeki terletak pada tangan manusia. Seseorang melakukan pekerjaan dengan berikrar tentang ketuhanan dan kenabian, maka pekerjaan yang dilakukan hanya kerana Allah. Setiap perntah tuannya hendaklah dituruti selagi tuannya mentaati Allah dan Rasulnya.

# Solat Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Solat membentuk diri seseorang menjadi Amanah, bertanggungjawab, berlapang dada, wujudnya kedamaian, ketenteraman, kebahagiaan dan sentiasa terhindar dari segala perbuatan keji dan mungkar.

Apa yang dilakukan dalam solat dijelmakan dalam kehidupan dan pekerjaan.

## Zakat Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Membersihkan jiwa kita dari akhlak tercela iaitu bakhil, kikir, kedekut, Tangkai Jering dan sentiasa memenuhi tuntutan serta keperluan Islam dan kaum muslimin

Setiap rezeki yang halal lagi berkat sentiasa ditagih dalam pekerjaan

#### Puasa Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Melatih diri untuk mengendalikan hawa nafsu dengan meninggalkan segala keinginannya dan perkara yang disenanginya demi mencari keredhaan Allah

Membimbing jiwa agar sentiasa mengawal hawa nafsu kearah kebaikan dan seseorang pekerja tidak akan terjebak dengan gejala yang tidak sihat

## Haji Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Melatih jiwa untuk mengorbankan harta, waktu dan tenaga demi ketaatan kepada Allah. Oleh sebab itu haji adalah sebahagian daripada jihad fi sabililah

Pekerja sentiasa berkorban bagi merealisasikan matlamat organisasi untuk kebaikan bersama. Sesuatu perkara yang dilakukan untuk menaikkan martabat umat dikira satu jihad

#### Iman Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Percaya Kepada Allah dan kaitannya dengan pekerjaan:-

Kecintaan yang sempurna kepada Allah dengan memurnikan ketauhidan dan pengabdian hanya kepadaNya

Pekerja memehami bahawa Allah Taala sentiasa mencurahkan' rezeki dan keberkatan kepada hambanya yang sentiasa mencari keredaannya

#### Malaikat Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Bersyukur kepada Allah atas perhatian Nya kepada anak Adam dengan memerintahkan para malaikat mengawasi mereka dan penerimaan kita sebagai tanda beriman kepada para malaikat atas tugas-tugas yang mereka tunaikan dalam rangka mengabdikan diri dan taat kepada Allah menjadi bukti kebesaran Khaliq (Penciptanya)

Pekerja merasakan dirinya sentiasa diawasi oleh para malaikat yang mencatit setiap amalan yang dilakukan

## Kitab Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Mengetahui bahwa Allah memerhatikan kepentingan hambaNya dengan menurunkan kitab kepada setiap umat sebagai petunjuk bagi mereka

Mengajar setiap pekerja bahawa setiap tindak tanduk yang dilakukan adalah berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan

## Para Rasul Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Bersyukur kepada Allah atas nikmat yang besar ini, iaitu Allah telah mengutuskan para rasul untuk menunjukkan kepada manusia jalanNya yang lurus dan menimbulkan rasa cinta kepada para rasul yang telah menunaikan tugas dari Allah kepada hamba-hambaNya.

Apabila pekerja mempunyai pemantauan dalam pekerjaannya, ia adalah sebagai penunjuk jalan dalam melaksanakan tuntutan sesuatu pekerjaan

# Hari Akhirat Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Senang, tekun dan bersungguh-sungguh menjalankan ketaatan serta mengharapkan pahala untuk persiapan hari pembalasan. Sentiasa takut dan gelisah di saat melakukan maksiat karena suatu siksaan yang sangat pedih akan menimpa di hari pembalasan.

Hiburan bagi mukmin yang tidak sempat mendapatkan kenikmatan dunia sebagai gantinya di hari akhirat yang berupa kenikmatan dan ganjaran pahala.

Pekerja melaksanakan setiap perintah dan menjauhi segala larangan kerana setiap perbuatan yang dilakukan akan dihitung walaupun sebesar biji sawi

# Qada – Qadar Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Bersandar kepada Allah di saat melakukan usaha, tidak bersandar kepada hukum, sebab serta akibat semata-mata karena segala sesuatu yang terjadi adalah di atas takdir dan kehendah Allah. Seseorang tidak bangga pada diri sendiri (tawadu') di saat memperolehi keinginan dan kemahuannya karena seluruh pemberian dan kurniaan adalah dari Allah.

Merasa tenang dan tentram jiwanya dalam menghadapi segala yang terjadi pada dirinya dan tidak merasa gelisah pada saat ditimpa musibah atau kehilangan harta, seseorang atau sesuatu yangdicintainya.

Pekerja sentiasa mempunyai sifat Qana'ah dalam apa jua keadaan dan menerima ketentuan dengan hati terbuka.

## Ihsan Dan Kaitannya Dengan Pekerjaan

Ihsan adalah suatu kaedah ataupun cara agar kita sentiasa khusyuk beribadah kepada Allah. Kita beribadah seolah-olah kita melihat Allah. Jika tidak melihatNya, kita mesti yakin bahwa Allah SWT yang Maha Melihat, selalu melihat kita.

Ihsan ini harus kita terapkan dalam kehidupan harian sehingga jika kita berbuat baik, maka perbuatan itu selalu kita niatkan kerana Allah. Sebaliknya jika terlintas niat melakukan perbuatan buruk, kita tidak mengerjakannya kerana Ihsan tadi.

Pekerja yang sentiasa mempunyai budi pekerti yang luhur dan ada Haibah pada dirinya.

# Islam, Iman dan Ihsan Serta Kaitannya Dengan Pekerjaan

Setiap kehidupan insan mestilah mempunyai kaitan dengan ketiga-tiga perkara ini.

- 1) Pekerja sentiasa memiliki sifat sejahtera dan harmoni
- 2) Pekerja mestilah berilmu dalam menghadapi cabaran hidup
- 3) Pekerja mestilah bersih, kemas dan sopan serta beradab
- 4) Pekerja mestilah bertanya jika tidak mengetahui sesuatu perkara
- 5) Pekerja boleh bertanya walaupun sudah memahami agar orang lain memperolehi manfaat daripada pertanyaan tersebut

## Sekian Terima Kasih

Sehingga bertemu lagi di lain waktu dan ketika إلى اللقاء مع السلامة والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته